

## AMALAN LGBT KHALIFAH UMAR DAN IMAM MALIK YANG DISEMBUNYIKAN DI NUSANTARA

Tuduhan En. Mohd Aizam Mas'ud, pegawai JAKIM, tentang LGBT-Meliwat isteri -bahawa Syiah mengharuskan amalan LGBT- meliwat isteri- dirujuk oleh beliau untuk menghina Syiah, tetapi apa yang mengejutkan bahawa Khalifah Umar dan Imam Malik sendiri telah melakukannya, tetapi ia disembunyikan daripada pengetahuan umat Islam di Malaysia secara khusus dan di Nusantara secara amnya.

Jawapannya:

(i) Wahai En. Mohd Aizam Mas'ud! Tidakkah kebanyakan kitab-kitab Ahli Sunnah Wal-Jama'ah menyatakan bahawa liwat isteri adalah harus? Sebenarnya orang pertama yang telah meliwat perempuan dengan pengakuannya sendiri adalah Khalifah Umar al-Khattab. Dalam erti kata yang lain bahawa Khalifah Umar adalah orang yang pertama di kalangan Khalifah Rasyidin yang telah melakukan amalan LGBT pada masa Nabi SAW. **Persoalannya: Kenapakah amalan LGBT Khalifah Umar itu disembunyikan daripada pengetahuan umat Islam di Malaysia secara khusus?**

(ii) Umar adalah Khalifah kedua di kalangan Khalifah Rasyidin yang dihormati oleh Sunni dan Wahabi serta pegawai JAKIM itu sendiri, malah oleh Dunia Islam. **Persoalannya: Adakah reputasi Khalifah Umar akan terjejas dengan amalan LGBT-nya itu jika diketahui oleh umat Islam? Justeru, ia disembunyikan daripada pengetahuan umat Islam di Nusantara? Adakah anda, En. Mohd Aizam Mas'ud dan para ulama Ahli Sunnah Wal-Jamaah Malaysia akan mempertahankan amalan LGBT Khalifah Umar itu?**

(iii) Tidakkah Khalifah Umar telah melakukan “perkara yang jijik” ini, kemudian baru dia bertanya Nabi SAW tentang halal dan haramnya?

(iv) Khalifah Umar diriwayatkan bahawa dia telah melakukan *anal sex* dengan isterinya/hambanya pada bulan Ramadan yang mulia. **Persoalannya: Apakah umat Islam di Malaysia boleh menerima amalan LGBT Khalifah Umar itu?**

(v). Pada suatu hari dia datang kepada Rasulullah SAW dengan tergesa-gesa sambil berkata: Wahai Rasulullah!

(vi) Aku telah binasa.

(vii) Maka Rasulullah SAW bertanya kepadanya: Apakah yang telah membinasakan anda?

(viii) Khalifah Umar menjawab: Semalam aku telah melakukan seks dengan isteriku melalui duburnya (Aku telah “meliwat” isteriku melalui *anal sex*). Iaitu seks di luar tabi'i. Justeru, Khalifah Umar boleh dikenakan perkara 377A Undang-undang Jenayah Malaysia kerana pengakuannya bahawa dia telah melakukan amalan LGBT-seks di luar tabi'l dengan isterinya! **Persoalannya: Adakah umat Islam di Malaysia akan melaknat atau mengutuk dan menghina Khalifah Umar kerana amalan LGBT-nya itu?**

**Adakah umat Islam di Malaysia ketika mereka melaknat atau mengutuk dan menghina amalan LGBT, mereka juga akan melaknat atau mengutuk dan menghina amalan LGBT yang dilakukan oleh Khalifah Umar dan para sahabat-nya? Apakah umat Islam di Malaysia tidak mengamalkan “double standard” dalam kes LGBT?**

(ix) Maka Rasulullah SAW tidak memberi apa-apa jawapan kepada Khalifah Umar buat seketika.

(x) Kemudian turun firman Allah di dalam Surah al-Baqarah (2): 223 *“Isteri-isterimu adalah (seperti) tanah tempat bercocok tanam, maka datangilah tanah tempat bercocok- tanammu itu di mana saja kamu kehendaki”* (xi) Lihat al Turmudhi, *Jaami’ al-Turmudhi*, ii, hlm 382 (bab Tafsir ayat al-Harth (2): 223.

(xii) Al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, I, hlm. 264 ayat al-Harth (2): 223.

(xiii) Ini bererti Kelakuan seks Umar di luar tabi’i dengan isterinya secara *anal* itu tidak membinasakannya, malah ia adalah *mubaah* (harus).

(xiv) Lantaran itu, tidak hairanlah, jika Imam Malik telah meliwat isterinya (melakukan *anal sex* dengan isterinya).

**Imam Malik adalah salah seorang Imam Mazhab Empat yang telah mengakui bahawa beliau telah melakukan seks di luar tabi’i dengan isterinya (*anal sex*). Iaitu salah satu amalan LGBT yang dilaknat dan dihina oleh umat Islam di Malaysia secara khusus kerana ia menyalahi Perkara 377A Undang-undang Jenayah Malaysia.**

(xv) Pada suatu hari Sahil telah bertanya Imam Malik tentang persetubuhan dengan isteri melalui duburnya (meliwatnya) adakah ia dibenarkan? Imam Malik berkata: Aku baru saja membersihkan kemaluanku daripadanya (Aku telah “meliwat” isteriku (*anal sex*) dan aku baru saja membersihkan kotorannya dari kemaluanku). Lihat al-Qurtubi, *Jaami’ al-Ahkaam*, I, 352 ayat al-Harth (2): 223 dan lain-lain. **Persoalannya: Adakah umat Islam di Malaysia akan melaknat atau menghina Imam Malik, salah seorang ketua Mazhab Empat, Ahli Sunnah Wal-Jamaah kerana beliau telah melakukan amalan LGBTnya-*Anal sex* dengan isterinya?**

**Abdullah bin Umar al-Khattab telah menghalalkan seks di luai tabi’i dengan isteri. Iaitu salah satu amalan LGBT yang dilaknat dan dihina di Malaysia.**

Abdullah Ibn Umar al-Khhttab mengatakan bahawa meliwat isteri adalah halal seperti bapanya Umar, *Tafsir al- Durr Manthur*, 1 hlm. 264 Ayat Harth (2): 223 oleh Jalaluddin al-Suyuti, *Tafsir Jami’ al-Ahkam*, hlm. 92, ayat Harth (2): 223 oleh al-Qurtubi. Suyuti meriwayatkan 10 Hadis daripada Ibn Umar yang menyatakan bahawa liwat (sodomi) dengan isteri adalah harus. Wahabi cuba mengemukakan buku-buku Syiah sebagai rujukan tentang liwat isteri, tetapi mereka tidak mengetahui bahawa perkara yang sama di catat oleh para ulama Sunni tentang harusnya meliwat isteri. Para imam Syiah mengatakan bahawa ia adalah amat makruh (makruh syadid) dan tidak dilakukan oleh mereka yang maksum. Ulama Madinah berkata bahawa liwat isteri adalah halal, *Tafsir Ibn Kathir* (sebelum ia diubah), 1 page 262 Ayat Harth (2): 223, *Fath al- Bari*, viii, hlm. 191 Ayat Harth (2): 223 oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani, dan lain-lain.

**Persoalannya: Apakah umat Islam di Malaysia akan melaknat dan menghina Abudullah Bin Umar al-Khattab kerana menyokong amalan LGBT bapanya?**

**Kutipan dari *Tafsir al-Durr al-Manthur*:**

Imam Syafi'i berkata bahawa tidak ada Hadis sahih tentang liwat isteri sampai kepada kita daripada Rasulullah SAW sama ada ia halal atau pun haram, tetapi logik mengatakan bahawa ia adalah halal. Apakah umat Islam di Malaysia melaknati pendapat Imam Syafi'i mengenai LGBT terhad itu? Imam Ahli Sunnah wal-Jama'ah Abu Malikhah telah mencadangkan supaya menggunakan tongkat ketika melakukan liwat dengan isteri! Suyuti menulis: "Abu Malikhah telah ditanya sama ada ia harus untuk melakukan liwat dengan perempuan. Dia menjawab: Semalam aku telah melakukan liwat dengan isteriku/hambaku, sukar dilakukan penetrasi, justeru aku telah menggunakan tongkat"

Imam Malik menyatakan bahawa liwat isteri adalah halal, *Ahkam al Qur'an*, i, hlm. 352 *Ayat Harth (2): 223*, *Tafsir Gharab al Qur'an*, ii, hlm. 249 *Ayat Harth (2): 223*, *Tafsir al-Durr al-Manthur*, hlm.1, hlm. 111, *Ayat Harth (2): 223*, *Fath al-Bari*, viii, hlm. 190 *Kitab Tafsir Ayat Harth (2): 223*.

**Kutipan dari *Ahkam al Qur'an*:**

"Sahil telah bertanya Imam Malik adakah meliwat isteri itu harus? Imam Malik telah menjawab: Aku baru selesai melakukannya dan baru saja membersihkan kemaluanku"

Ahli Sunnah Wal-Jama'ah mengharuskan meliwat isteri (*anal sex*), malah terdapat para ulama mereka yang melakukannya! Kerana mereka berhujah berdasarkan *ayat Harth (2): 223*, Liha, *Syarh Ma'aani al-Athar*, iii, hlm. 40, *Mu'tasar al-Mukhtasar*, i, hlm.301-302, *Fiayadh al-Qadir*, vi, hlm. 24, *Fathal-Bari* oleh Ibn Hajar al-'Asqalani, vii, 189-191, *al-Mughni*, vii, hlm. 225. Lihat juga, kitab-kitab Tafsir yang lain mengenai *ayat al-Harth (2): 223*.

**Persoalannya:**

(a) Kenapakah anda sebagai pegawai JAKIM(Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) memfitnah Syiah dengan kekejian ini sehingga akhbar-akhbar tempatan seperti Malaysiakini dan The Malay mail melaporkan bahawa Syiah mengharuskan liwat kerana memetik khutbah JAKIM (tanpa menyebut isteri).

(b) Ini bererti Syiah mengharuskan liwat dengan lelaki juga! Tidak benar sama sekali.

(c) Kenapa anda tidak menyebut bahawa Khalifah Umar telah meliwat?

(d) Kenapa anda tidak menyebut bahawa Imam Malik, ketua mazhab Sunni telah meliwat?

(e) Kenapa anda tidak membuat kajian tentang para sahabat yang telah melakukan amalan LGBT-liwat dengan lelaki?

(f) Anda telah memberi kuliah sempena Ma'a l-Hijrah dengan tajuk yang menjijikkan; sex dan anal sex di hadapan para isteri Perdana Menteri dan isteri Timbalan Perdana Menteri Malaysia serta anggota Perkep di Putrajaya?

(g) Mengenai Mut'ah, maka ia adalah halal; ia tidak dimansuhkan dan yang mengharamkannya adalah Umar. Walaupun ia halal, maka bukan semua perkara yang halal itu wajib dilakukannya dan ia adalah dengan syarat-syaratnya pula. Ia tidak boleh dilakukan dengan isteri orang, adik beradik, ibu dan seterusnya sebagaimana disebut di dalam al-Qur'an dan Hadis.

(i) Khalifah Umar, Khalifah Ali dan Rasulullah SAW telah melakukan nikah mut'ah. Umar berkata: Kami telah melakukan mut'ah bersama Rasulullah SAW... (*fa 'al-na ma'a rasulillah ...*) Adakah mereka yang telah melakukan nikah mut'ah bererti mereka telah berzina? Jawapannya: Tidak, sebab nikah mut'ah adalah dengan akad dan qabul serta maharnya dengan syarat-syaratnya pula. Anak yang dilahirkan daripada nikah mut'ah adalah anak yang sah seperti Asma' binti Khalifah Abu Bakar yang telah bernikah mut'ah selama tiga tahun dan melahirkan dua anak lelaki iaitu cucu Abu Bakar yang anda terlalu hormati. Anda berani mengatakan Asma' binti Abu Bakar telah berzina dengan kebenaran dua ibu bapanya dan dua anak lelakinya itu adalah anak zina?

(j) Apa yang anehnya, Khalifah Umar apabila menjadi Khalifah, dia mengharamkan nikah mut'ah, tetapi dia tidak mengharamkan *anal sex*!

(k) Anda Mohd Aizam Mas'ud sebagai pegawai rendah JAKIM ada dua keadaan: Sama ada anda seorang yang jahil tentang *anal sex* yang dilakukan oleh Khalifah Umar dan Imam Malik umpamanya atau anda seorang yang melakukan *Taqiyyah* dengan menyembunyikan amalan LGBT Khalifah Umar dan Imam Malik daripada pengetahuan umat Islam di Malaysia secara khusus dan di Nusantara secara amnya?

**Persoalannya: Adakah anda akan melaknat dan menghina Khalifah Umar dan Imam Malik kerana amalan LGBT mereka?**

(l) Sepatutnya anda bercakap tentang perpaduan Sunni-Syiah, tetapi anda bercakap tentang perpecahan dan pengafiran Syiah Ja'fari berdasarkan kertas kerja anda dan kuliah anda dalam youtube. Tidakkah anda seorang penganut Salafi/Wahabi? (m) Belajarlah menghormati Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi di Malaysia, Fatwa al-Azhar, Deklarasi Amman, Deklarasi Makkah al-Mukarramah, Deklarasi Islamabad dan Deklarsi Hak Asasi Manusia Dalam Islam (OIC) Cairo 1990 yang mengakui Syiah Ja'fari dan Zaidi adalah antara mazhab Islam yang sah. Hanya Wahabi anda yang mengkafirkan semua orang Islam selain daripada penganut Wahabi. Ketahuilah bahawa Fatwa pengharaman Syiah pada 5. 5. 1996 di Malaysia adalah menyalahi Perlembagaan Persekutuan dan al-Qur'an. (n) Anda jangan rela dijadikan khadam kepada Wahabi- Takfiri dan Yahudi-Israel. (p) Kami sebagai pembayar cukai negara ini tidak suka perkhidmatan orang seperti anda yang mencintai perpecahan dan mempercepatkan pembunuhan secara beramai-ramai terhadap Syiah Melayu di Malaysia seperti dilakukan di Sampang, Indonesia, di Saudi, Bahrain dan lain-lain. (Harian Metro pada 28 hb. November 2013 "Syiah muliakan perkara jijik"). Sila rujuk, SURAT PM, di laman: [almawaddah.info](http://almawaddah.info) untuk kajian dan renungan.